



Siaran Media

13 Julai 2026

Untuk Siaran Segera

PEMAKLUMAN KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA BERKENAAN LATIHAN SKALA PENUH KEMALANGAN UDARA EX URBAN FALCON 2026 DI R&R DENAI ALAM, LEBUHRAYA DASH

SHAH ALAM – Malaysia Airports bersama PROLINTAS dan Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) ingin memaklumkan kepada orang awam bahawa satu Latihan Penuh Skala Kemalangan Udara dikenali sebagai **Latih Amal Ex Urban Falcon 2026** akan diadakan di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Denai Alam, Lebuhraya DASH pada 16 Julai 2026, Khamis dari jam 8:00 pagi hingga 2 petang.

Latih amal ini merupakan sebahagian daripada Program Siaga Bencana Udara Kebangsaan 2026 bersandarkan tema "Integrasi Perkasa, Aspirasi Nusa" anjuran Malaysia Airports dengan kolaborasi bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan PROLINTAS-Dash.

Pelaksanaan latih amal bencana udara ini mempunyai objektif utama untuk menilai dan menguji tahap kesiapsiagaan, koordinasi, serta tindak balas dalam mendepani sebarang situasi kecemasan. Selain itu, program ini juga berfungsi untuk menguji respon daripada pelbagai agensi keselamatan dan kecemasan yang berkaitan.

Sepanjang tempoh latihan dijalankan, pengguna Lebuh Raya DASH dan orang awam dinasihatkan agar memberi kerjasama sekiranya melihat kehadiran kenderaan kecemasan, asap, replika pesawat, bunyi siren atau aktiviti simulasi di sekitar kawasan R&R Denai Alam kerana ia merupakan sebahagian daripada latihan ini. Orang ramai juga diminta mematuhi arahan petugas di lokasi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan latihan.

Malaysia Airports, PROLINTAS dan JAPEN menghargai kerjasama orang ramai bagi memastikan latihan ini dapat dilaksanakan dengan selamat dan lancar.